



Demi Kerana Cinta

Listen

Power of Words: Use a Proper Language with Your Family

KEIBUBAAPAN

ARTIKEL

JUL 24, 2020

Dalam mengajar anak-anak, niat perlu diperbetulkan dari awal. Pelajari cara untuk mendidik mereka dalam artikel ini.

Sebagai ibu bapa, berapa lamakah anda mampu bersabar dalam mengajar anak-anak? Contohnya, mengajar matematik, membaca al-Quran, dan sebagainya. Berapa lamakah anda mampu bersabar sebelum kita hilang kawalan sebelum anda meninggikan suara, menjerit-jerit, dan sebagainya? Tahniah jika anda seorang ibu bapa yang penyabar! Malangnya, tidak ramai yang mampu melakukannya terutamanya jika anak-anak tidak menunjukkan respon yang baik. Ramai yang akan hilang kawalan hanya setelah dua tiga kali “dikecewakan” oleh perangai anak-anak.



Namun, adakah kita akan mengalah dengan sebegitu mudah? Mampukan kita mencari sebuah formula yang boleh menerapkan bibit-bibit kesabaran yang tebal dalam diri kita? Tidakkah anda menginginkan sebuah rumah yang harmoni dan tenteram tanpa perlu menjerit-jerit seperti seorang yang hilang kawalan. Jika anda menjawab “Ya!” kepada soalan-soalan tadi, anda telah tiba ke tempat yang betul. Saya ingin berkongsi satu rahsia bagaimana ibu bapa sekalian boleh meningkatkan kesabaran kepada tahap yang paling maksimum dalam mendidik anak-anak.

Rahsianya ialah dengan melakukannya demi kerana cinta. Sebenarnya, kita mudah hilang kesabaran apabila kita membuat kayu ukuran dengan sesuatu benda yang di luar kawalan kita. Contohnya, apabila kita terlalu mengharapkan anak-anak untuk sentiasa mendapat A dalam setiap matapelajaran. Apabila anak-anak tidak memahami sesuatu perkara yang diajar kepada mereka, mungkin pada awalnya kita masih dapat megawal kesabaran. Namun, apabila mereka masih gagal memahaminya setelah beberapa kali anda mengulangkan perkara yang sama, akan timbullah sebuah perasaan geram. Justeru, suara akan ditinggikan, tekanan darah akan meningkat dan kemungkinan besar tangan juga akan dinaikkan. Kes ini hendaklah dielakkan daripada berlaku kepada anak-anak kita.

Jadi bagaimanakah kita dapat mengawal perkara-perkara tersebut dari berlaku? Saya mencadangkan apabila kita ingin mendidik anak-anak, ibu bapa perlu memperbetulkan niat tatkala mengajar anak-anak mereka. Niat yang betul ialah dengan mengamalkan konsep melakukan sesuatu demi cinta.



Ini bermakna apabila kita mengajar mereka, ianya bukan kerana A, tetapi kerana kita sayangkan mereka. Kita ingin menggunakan peluang mengajar tersebut sebagai salah-satu cara meluahkan kasih-sayang kita terhadap mereka. Apabila ini diamalkan, kita akan merasa satu kelainan dalam diri. Sebelum ini, kita akan mudah geram apabila anak-anak susah untuk memahami sesuatu subjek. Kita seolah-olah merasakan anak kita tidak mempunyai harapan untuk cemerlang, lalu timbullah perasaan kecewa, geram dan pelbagai elemen negative dalam jiwa. Ketika inilah kesabaran semakin menipis dan kawalan diri semakin hilang. Lantas, tercetuslah sebuah “peperangan” dengan anak-anak.

Sebaliknya, jika niat mengajar anak-anak diperbetulkan dari awal, akan timbul perasaan belas kasihan apabila mereka tidak mampu memahami sesuatu subjek. Kita akan merasa risau akan masa hadapan mereka. Jika tadi kita mengajar sambil berdiri, kita akan menarik kerusi untuk duduk di sebelah mereka sambil terus menunjuk ajar. Jika mereka masih tidak faham, kita akan mula lupa akan perkara-perkara lain seperti kerja, rakan-rakan, gajet dan hiburan. Semua itu menjadi tidak penting jika dibandingkan dengan tekad kita untuk membantu anak-anak menjadi lebih cemerlang. Kita juga mungkin akan timbul perasaan kesal kerana tidak meluangkan lebih masa dengan mereka.

Bak kata pepatah Melayu, masa itu emas. Namun persoalannya, apakah nilainya masa bersama keluarga berbanding dengan masa bekerja mencari rezeki? Adakah ia sesuatu yang tidak berbaloi? Di tempat kerja, masa banyak dihabiskan untuk menghadiri mesyuarat yang bertindan-tindan, atau dalam terkejar-kejar untuk menyiapkan laporan dan juga kesibukan melayan karenah pelanggan. Pendek kata,

keadaan di pejabat sentiasa penuh dengan keadaan tergesa-gesa dan masa bergerak terlalu pantas.



Sebaik pulang ke rumah pula, kita akan mula bergegas untuk menghantar anak-anak ke kelas tambahan, kemudian terpaksa melakukan kerja-kerja rumah lagi. Adalah amat menakjubkan bagaimana kita berjaya menguruskan masa untuk melakukan kerja-kerja ini semua dalam masa yang terhad. Walau bagaimanapun, pencapaian ini dibayar dengan harga yang amat tinggi - ia mencuri masa yang sepatutnya diluangkan bersama orang-orang tersayang dan perkara-perkara yang paling penting dalam hidup kita.

Dengan kemunculan teknologi moden, banyak kerja-kerja yang telah dipermudahkan dengan terciptanya pelbagai peralatan automatik. Ia telah mengambilalih tugas-tugas yang membosankan supaya kita mempunyai lebih banyak masa untuk menikmati kehidupan ini. Namun malangnya, bukan semua peralatan moden ini memudahkan hidup kita. Dengan adanya komputer riba, Ketua Jabatan mengharapkan kita untuk memeriksa kemajuan kerja pada hujung minggu ataupun semasa bercuti. Dengan adanya telefon pintar, kita terpaksa melayan panggilan dari pelanggan atau rakan rakan sekerja walaupun kita sedang bersantai bersama keluarga.

Teknologi-teknologi ini sebenarnya telah mendatangkan kesan yang sebaliknya, iaitu lebih banyak masa diluangkan untuk bekerja dan bukannya untuk keluarga! Akhirnya, terdapat ibu bapa yang telah mencari jalan singkat untuk menebus kekurangan masa itu dengan membelanjakan wang ke atas anak-anak mereka, dengan harapan mereka

akan leka dengan segala gajet-gajet itu dan tidak kisah akan ketiadaan masa untuk bemesra bersama keluarga. Ada juga terdapat ibu bapa yang sanggup berhabisan untuk anak-anak dan sanggup memberi wang saku yang berlebihan semata-mata untuk menutup rasa bersalah tidak dapat meluangkan masa bersama-sama.

Sekali pandang, proses ini kelihatan sebagai satu “urusniaga” yang adil, tetapi kita tidak boleh menjadikan keluarga sebagai barang perniagaan. Ini kerana ia melibatkan satu unsur yang unik iaitu emosi. Dalam proses pembesaran mereka, anak-anak memerlukan banyak bimbingan, kasih sayang dan perhatian. Apabila ibu bapa tidak berada di sana, sudah tentu kekosongan itu akan diisi dengan berbagai cara. Mereka akan beralih kepada ahli keluarga yang lain, rakan-rakan rapat atau lebih teruk lagi, kepada pembantu rumah!



Akhir kata, sememangnya semua ibu bapa inginkan anak-anak mereka mendapat keputusan yang cemerlang dalam pembelajaran mereka. Namun begitu, ibu bapa perlu sedar bahawa terdapat kemungkinan pelajar lain yang lebih mahir dalam sesuatu pelajaran ataupun anak-anak mereka kurang bermotivasi untuk belajar. Oleh itu, ajarlah mereka kerana sayangkan kepada mereka, bukannya kerana inginkan mereka mendapat A semata-mata.

Cuba bayangkan bagaimana seorang guru perlu mengajar dan mengawal sehingga 40 orang murid dalam satu masa, sedangkan di rumah kita hanya perlu fokus kepada anak kita sahaja. Adakah patut kita hilang kesabaran dengan begitu mudah? Jadi, didiklah anak-anak demi cinta. Justeru, hilanglah perasaan geram di dalam jiwa kita dan timbullah perasaan kasihan. Seandainya sebelum ini jika tiga kali kita mengajar dan anak-anak yang menangis, sekarang pula apabila tiga kali diajar dengan niat kerana cinta dan anak-anak masih tidak memahaminya, ibu bapalah pula yang akan menangis. Ibu bapa akan sedar dan terfikir “Mengapalah aku tidak meluangkan lebih masa dengan anak-anak sebelum ini?” Jika kesabaran itu telah ditemui, itulah sebuah nikmat dan magiknya menjadi seorang ibu bapa. Jom kita amalkan!

Sementara itu, marilah kita bersyukur dengan keluarga kita:

Biar gaji tak naik, asalkan dah buat yang terbaik

Biar kerja teruk, asalkan peribadi tak buruk

Penafian: Kandungan ini dikongsi sebagai bahan untuk maklumat sahaja dan bukan sebagai penggantian untuk nasihat pakar/perubatan, diagnosis atau rawatan. Anda dinasihati supaya sentiasa dapatkan nasihat profesional kesihatan untuk sebarang pertanyaan yang berkaitan dengan keadaan perubatan/situasi khusus.

Rujukan:

Zaid Mohamad ialah seorang Jurulatih Ibu Bapa Bertauliah oleh Coach-Parenting™ USA. Beliau ialah pengarang buku terlaris berjudul Ibu Bapa Bijak Anak Hebat dan Ibu Bapa Bijak Anak Mewah, kolumnis dan personaliti radio & TV.

